

## **Cash Economy dan Ketidapatuhan Cukai di Kalangan PKS Sektor Pembinaan di Malaysia**

**Muhammad Aqbal Mashadi  
Rosiat Ramli  
Mohd. Rizal Palil  
Romlah Jaffar**

Pusat Pengajian Perakaunan  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor, Malaysia

<https://doi.org/10.58458/ipnj.v05.01.02.0038>

### **ABSTRAK**

Persekitaran cukai di Malaysia masih berdepan dengan masalah ketidapatuhan cukai, di mana isu ini tambah meruncing dengan wujudnya situasi yang melibatkan aktiviti-aktiviti '*cash economy*', terutamanya di kalangan peniagaan kecil dan sederhana (PKS). Walaupun kajian berkaitan ketidapatuhan cukai telah banyak dilakukan tetapi amat kurang perbincangan yang menyentuh bentuk atau keadaan yang bagaimana dimaksud sebagai

tidak patuh cukai. Justeru kajian ini mengemukakan perincian bentuk-bentuk ketidapatuhan cukai tersebut berdasarkan empat keadaan iaitu tidak daftar, tidak atau lewat hantar, tidak atau kurang lapor dan tidak atau lewat bayar. Istilah '*cash economy*' masih baru dalam persekitaran cukai di Malaysia dan turut dikenali dengan istilah lain seperti '*parallel, black, hidden, underground & shadow economy*'. Literatur cukai merujuk *cash economy* sebagai aktiviti tidak patuh cukai di mana isu ini turut melibatkan kebanyakan negara di dunia termasuk Malaysia. Oleh itu fokus kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti siapa pelaku *cash economy* di kalangan PKS di Malaysia, khususnya dari sektor pembinaan yang telah dikaitkan sebagai paling tinggi terlibat dengan ketidapatuhan cukai. Hasil kajian ini mendapati bagi tahun 2013, sebanyak 44% dari sampel PKS sektor pembinaan telah melakukan ketidapatuhan cukai, di mana 84% darinya adalah terlibat dengan aktiviti *cash economy*. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tindakan tidak mendaftar dan lewat atau tidak menghantar borang


adalah yang paling dominan. Manakala jenis perniagaan kejuruteraan awam dan perniagaan bersaiz mikro pula merupakan pelaku yang dominan melakukan kesalahan cukai di kalangan PKS sektor pembinaan Malaysia. Hasil kajian ini sangat relevan kepada pihak LHDNM dalam merangka strategi pematuhan cukai yang lebih berkesan dan pada masa yang sama memberikan nilai tambah kepada himpunan literatur cukai.

**Kata Kunci:** Ketidakpatuhan Cukai (daftar, hantar, lapor, dan bayar); *Cash Economy*; Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS); Sektor Pembinaan

## PENGENALAN

Hasil cukai merupakan sumber utama bagi sesebuah kerajaan untuk membiayai perbelanjaan pengurusan dan pembangunan, di mana hasil tersebut merupakan komponen utama pendapatan kerajaan Malaysia. Jumlah kutipan hasil cukai banyak bergantung kepada prestasi ekonomi dan kemampuan sistem percukaian

oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam mendepani isu-isu cukai semasa. Ketidaktentuan ekonomi semasa kini menyebabkan pembayar cukai mencari ruang serta peluang bagi mengurangkan beban membayar cukai ataupun tidak perlu membayar cukai langsung. Situasi ini secara tidak langsung meningkatkan peratus ketidakpatuhan cukai serta kewujudan istilah-istilah percukaian seperti pelarian cukai, pengelakan cukai, pindahan harga, *cash economy*, *hidden economy* dan *parallel economy*. Laporan IMD (2013) mendedahkan istilah terkini percukaian ini memberi kesan yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi dan perkara ini dapat diperhatikan melalui Rajah 1. Rajah 1 menunjukkan kedudukan Malaysia pada skor 4.98 iaitu antara negara yang menerima kesan signifikan dari aktiviti *cash economy* berbanding negara jiran seperti Thailand Filipina dan Singapura.



**Rajah 1: Kesan Parallel Economy Terhadap Pertumbuhan Ekonomi  
IMD World Competitiveness Centre (2013)**

*Cash economy* adalah salah satu cabang ketidakpatuhan cukai yang mempunyai maksud yang sama dengan istilah-istilah lain seperti *parallel economy*, *black economy*, *hidden economy* & *underground economy* (Kasipillai 1998). Walaupun kajian-kajian lepas menggunakan istilah yang berbeza tetapi penyelidik dan badan pentadbir cukai bersetuju *cash economy* merupakan salah satu daripada aktiviti tidak patuh cukai (Summer 1996). Manakala ketidakpatuhan cukai secara ringkas merujuk kepada tindakan yang menyalahi peruntukkan perundangan

cukai di sesebuah negara tersebut (Richardson 2008). Brown dan Mazur (2003) menjelaskan ketidakpatuhan cukai berlaku apabila salah satu elemen berikut iaitu penghantaran borang cukai, pelaporan pendapatan dan pembayaran cukai gagal dilaksanakan.

Kajian oleh Bajada & Schneider (2007) mendapati saiz purata aktiviti *shadow economy* di Malaysia adalah pada kadar 30.9% di mana angka ini telah menunjukkan pertumbuhan iaitu 26.4% pada 1990 dan 28.3% pada tahun

1995. Dapatan kajian turut disokong oleh Marliza Mohamed (2012) yang mengemukakan perincian statistik bahawa peratus peningkatan aktiviti underground economy di Malaysia adalah sangat signifikan bagi tempoh 1980 hingga 2009 iaitu 9% hingga 27%. Manakala Belkaoui (2004) pula dalam mengukur pematuhan cukai berpendapat tahap pematuhan cukai di Malaysia adalah sederhana dan jauh ketinggalan berbanding negara jiran yang terdekat iaitu Singapura. Terkini, laporan oleh pihak berkuasa cukai di Malaysia (Kastam) turut memperakui kehadiran aktiviti tidak membayar cukai ini apabila mendedahkan hampir 38,000 entiti perniagaan yang membuat pendaftaran untuk cukai barang dan perkhidmatan (GST) tidak mempunyai rekod percukaian (Siti Norhawa Mohd Ali 2015).

Walaupun beberapa siri kajian telah dilaksanakan terhadap ketidakpatuhan cukai perniagaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia seperti Nor Azrina Yusof, Ming Ling Lai & Yap Bee Wah (2014), tetapi penjelasan yang menyatakan samada entiti PKS khusus sektor pembinaan terlibat dengan cash economy. Kajian lepas

juga tidak memperincikan kategori perniagaan di kalangan PKS sektor pembinaan yang paling cenderung untuk melakukan ketidakpatuhan cukai. Selain dari itu kajian lepas didapati kurang membincangkan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai menurut definisi Brown dan Mazur (2003) iaitu hantar, lapor dan bayar. Pelaksanaan kajian ini adalah perlu bagi mendapatkan kefahaman lanjut berkaitan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai, *cash economy* dan pelaku yang terlibat dalam konteks PKS sektor pembinaan. Oleh itu matlamat kajian adalah spesifik iaitu; 1) Mengenalpasti gelagat cukai samada patuh cukai atau tidak patuh cukai; 2) Mengenalpasti bentuk-bentuk tidak patuh cukai yang dilakukan oleh PKS sektor pembinaan; dan 3) Mengukur sejauh mana penglibatan PKS sektor pembinaan terhadap aktiviti ketidakpatuhan cukai dan *cash economy*.

## SOROTAN KAJIAN

### *Cash Economy*

Isu *cash economy* merupakan masalah yang dihadapi oleh kebanyakan negara seperti Kanada, Malaysia, New

Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat (Australian National Audit Office -ANAO 2001). Takrifan awal *cash economy* merujuk kepada tindakan oleh entiti perniagaan atau individu yang tidak melaporkan pendapatan tunai yang diperolehi (ATO 1997). Selari dengan peredaran masa, modus operandi *cash economy* kemudian diperluaskan kepada bentuk-bentuk penerimaan yang lain seperti cek, kad kredit, pindahan elektronik atau sistem barter (ATO 2003). Lanjutan dari itu ATO turut menjelaskan keadaan di mana entiti perniagaan berisiko untuk terlibat melakukan *cash economy* apabila; i) entiti perniagaan berada di luar sistem cukai (tidak berdaftar) dan ii) telah berada dalam sistem tetapi tidak melaporkan semua sumber pendapatan. Merujuk kepada literatur kajian, maka definisi *cash economy* bagi tujuan kajian ini adalah entiti; 1) tidak mendaftar sebagai pembayar cukai, atau 2) tidak menghantar borang cukai; atau 3) tidak melaporkan semua

sumber pendapatan.

Pemahaman topik *cash economy* menarik minat penyelidik di mana isu ini telah dikaji oleh Gutmann (1977) dan Feige (1979). Kedua-dua penyelidik menggunakan istilah *underground economy* dengan takrifan aktiviti yang tidak dikira dalam pendapatan sesebuah negara di mana kebanyakan dari aktiviti ini terlepas dari membayar cukai. Pandangan yang sama dikemukakan oleh Summer (1996) apabila mentafsirkan *cash economy* sebagai pendapatan yang diterima dari penglibatan dalam aktiviti ekonomi yang biasa tetapi tidak melaporkan cukai kepada pihak berkuasa cukai negeri atau persekutuan. Penggunaan istilah yang berbeza kemudian dibincangkan dalam hasil kajian Frey dan Schneider (2000) dan penyelidikan oleh Rand Europe dan National Audit Office (2008) seperti *informal, unofficial, irregular, parallel, hidden, unrecorded, shadow, black* dan *cash economy*.

**Jadual 1: Klasifikasi Jenis Aktiviti Underground Economy**

	Transaksi Melibatkan Wang	Transaksi Tidak Melibatkan Wang
Aktiviti Menyalahi Undang-Undang	Perdagangan barang curi, pengedaran dan pembuatan dadah, pelacuran, perjudian, penyeludupan dan penipuan.	Menggunakan sistem barter bagi aktiviti dadah, barang curi dan penyeludupan.

	Pelarian Cukai	Pengelakan Cukai	Pelarian Cukai	Pengelakan Cukai
Aktiviti Tidak Menyalahi Undang-Undang	Tidak melaporkan pendapatan dari hasil kerja sendiri @ sampingan.  Terimaan upah, gaji dan aset yang tidak lapor dari kerja yang sah.	Penerimaan diskaun dan manfaat yang berkaitan lain dari pekerjaan yang sah.	Penggunaan sistem barter dalam transaksi perniagaan. (Pembelian barang di bayar melalui pertukaran barang)	Kerja-kerja yang dilakukan sendiri atau bantuan jiran mengikut giliran.

Sumber: Lippert & Walker (1997)

Pada penyelidikan yang berbeza, Lippert dan Walker (1997) telah menjelaskan kriteria bagi aktiviti *underground economy*. Merujuk Jadual 1 di atas aktiviti *underground economy* berlaku dalam dua keadaan iaitu aktiviti ekonomi yang mengikut undang-undang atau tidak mengikut undang-undang dan transaksi melibatkan wang atau transaksi tidak melibatkan wang. Aspek penyelidikan *cash economy* turut mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan pembayar cukai terlibat melakukan aktiviti kesalahan cukai ini. Kajian ATO mendapati entiti perniagaan kurang atau tidak melaporkan pendapatan tunai apabila mempunyai bilangan transaksi tunai yang tinggi, pemilik mempunyai peluang untuk menyembunyikan transaksi tunai dan wujud keadaan yang mendesak

seperti kemerosotan ekonomi pada aktiviti perniagaan (Inspector General of Taxation Australia - IGT 2012). Selain dari tiga faktor tersebut, CETF turut menggariskan beberapa faktor lain penyebab *cash economy* iaitu sifat tunai, amalan industri, niat pembayar cukai, persepsi umum, tiada insentif patuh cukai, kecekapan badan pentadbir cukai, peranan dari agen cukai dan sistem cukai yang kompleks (ATO 1997). Sementara kajian Buehn dan Schneider (2012) memperincikan faktor *cash economy* adalah beban cukai, kualiti institusi kerajaan, perundangan, moral cukai dan pencegahan.

#### *Ketidakpatuhan Cukai*

Kepatuhan atau ketidakpatuhan cukai bukanlah suatu istilah yang baharu

dalam persekitaran penyelidikan cukai. Namun begitu, sehingga kini masih tiada definisi yang standard bagi mewakili maksud untuk kedua-dua istilah tersebut. Terdapat pelbagai takrifan yang menjelaskan keadaan patuh dan tidak patuh cukai antaranya; Andreoni, Erard & Feinstein (1998) mendefinisikan kepatuhan cukai sebagai kesanggupan pembayar cukai untuk mematuhi undang-undang cukai; Kirchler (2007) memberikan maksud yang lebih mudah iaitu kesanggupan individu atau entiti untuk membayar cukainya; manakala definisi pematuhan cukai menurut Mohd Rizal Palil (2010) adalah kerelaan pembayar cukai untuk patuh dengan perundangan cukai, melaporkan pendapatan sebenar, menuntut belanja yang dibenarkan dan membayar cukai tepat pada masanya. Pada perspektif yang berbeza badan pentadbir cukai seperti ATO (2007) dan pesuruhjaya ekonomi Eropah OECD (2012) mendefinisikan pematuhan sebagai kombinasi elemen-elemen seperti pendaftaran, penghantaran, pelaporan, dan pembayaran.

Interpretasi kepatuhan dan ketidakpatuhan cukai di Malaysia merujuk kepada peruntukan dalam

Akta Cukai Pendapatan (ACP 1967). Ketidakpatuhan cukai menurut ACP 1967 berdasarkan peruntukan beberapa seksyen yang berkaitan dengan penalti dan kesalahan. Pertama ialah Seksyen 112 yang menjelaskan perihal kegagalan entiti atau individu menghantar borang cukai. Keperluan menghantar borang dijelaskan pada Seksyen 77(1)(a) dan (b) menghendaki setiap individu selain suatu syarikat, badan amanah atau koperasi menghantar borang cukai pada atau sebelum 30hb Jun (bagi yang menjalankan perniagaan) dan 30hb April (yang tiada pendapatan perniagaan). Seterusnya, Seksyen 77A(1) pula menetapkan tiap-tiap syarikat, badan amanah atau koperasi supaya menghantar borang cukai dalam tempoh tujuh bulan selepas penutupan tempoh perakaunan.

Selain daripada kegagalan menghantar borang cukai, ketidakpatuhan cukai juga merujuk kepada perlakuan tidak melaporkan pendapatan dengan betul di dalam borang cukai pendapatan yang jelas memperlihatkan bahawa kesalahan ini tertakluk kepada peruntukan Seksyen 113 dan 114 ACP 1967. Perbezaan bagi kedua-

dua peruntukan, iaitu Seksyen 113 dan 114 ialah keadaan kesalahan cukai dilakukan dan bentuk-bentuk hukuman yang dikenakan. Seksyen 113 melihat kesalahan cukai lebih kepada kesilapan dan kecuaiian, maka hukuman yang dikenakan hanya berbentuk bayaran denda tunai, manakala Seksyen 114 melihat kesalahan cukai yang dilakukan dengan niat dan perancangan yang teliti untuk tidak membayar cukai, maka denda yang lebih berat diperuntukkan, iaitu denda tunai dan hukuman penjara. Ketidakpatuhan cukai yang seterusnya menurut ACP 1967 adalah kegagalan untuk membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan. Menurut peruntukan Seksyen 103(1) pembayar cukai perlu menjelaskan bayaran cukai yang telah dikira selewat-lewatnya pada tarikh akhir borang nyata cukai perlu dihantar.

Perbincangan di atas mendapati LHDNM turut merujuk kepada komponen tertentu apabila menyentuh isu pematuhan cukai iaitu menghantar borang cukai sebelum tarikh tutup, melaporkan pendapatan dengan betul dan membayar cukai sebelum tempoh berakhir. Turut selari dengan definisi LHDNM bagi maksud pematuhan cukai adalah; Brown & Mazur (2003) yang

menjelaskan ketidakpatuhan cukai boleh diukur berdasarkan komponen hantar, lapor dan bayar. Pematuhan cukai menurut Kasipillai dan Hijattulah Abdul Jabbar (2006) pula merujuk kepada gabungan elemen-elemen seperti penghantaran borang, pelaporan yang benar, dan pembayaran cukai. Natrah Saad (2012) mentakrifkan pematuhan cukai sebagai suatu keadaan di mana para pembayar cukai memfailkan borang cukai tepat pada masanya dan melaporkan pendapatan berdasarkan perundangan cukai yang ditetapkan. Oleh itu dalam konteks kajian ini, takrifan ketidakpatuhan cukai adalah; 1) lewat hantar borang; 2) kurang lapor pendapatan; dan 3) tidak atau lewat bayar cukai.

#### *PKS Sektor Pembinaan*

Terdapat beberapa definisi PKS di Malaysia. Pertama ialah definisi daripada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), iaitu pengelasan saiz PKS (mikro, kecil, dan sederhana) di Malaysia tertakluk kepada dua ciri utama, iaitu jumlah perolehan tahunan dan bilangan pekerja (Jabatan Perangkaan Malaysia -JPM 2012). Definisi kedua ialah definisi yang diguna pakai oleh LHDNM, iaitu

sesuatu entiti dikelaskan sebagai PKS apabila hanya mempunyai modal berbayar kurang daripada RM2.5 pada akhir tempoh tahun taksiran (ACP 1967). Pada peringkat antarabangsa, definisi PKS tidak mempunyai perbezaan yang ketara yang jelas memperlihatkan bahawa Bank Dunia dan Kesatuan Eropah turut mengelaskan entiti perniagaan sebagai PKS berdasarkan bilangan pekerja, perolehan tahunan, dan aset (International Tax Dialogue -ITD 2007).

Entiti PKS kerap menjadi subjek kajian dalam usaha untuk memahami karakter dan gelagat kelompok ini terhadap isu-isu percukaian semasa. Hal ini berlaku apabila kajian lepas yang dilakukan oleh Mohd Khairuddin Hashim (2007) mendapati bahawa entiti PKS sering berhadapan dengan masalah kewangan, pengurusan, dan teknologi, manakala kajian lepas yang dilakukan oleh Hanefah Mustafa dan Abdul Latif Al-Mureshi (1991) mendedahkan bahawa kebanyakan perkhidmatan yang diberikan oleh firma perunding perakaunan kepada PKS lazimnya berkaitan dengan simpan kira dan percukaian. Selain daripada kelemahan yang terdapat pada PKS, didapati juga

bahawa perniagaan bersaiz kecil lebih berisiko untuk tidak melaporkan cukai dengan betul (Kirchler, Niemirowski & Wearing 2006). Turut mengkaji tingkah laku negatif PKS terhadap cukai ialah Williams (2007, 2009) yang mendapati bahawa entiti ini tidak melaporkan semua hasil jualan pada peringkat permulaan operasi perniagaan dan akan terus melakukan aktiviti tersebut walaupun telah mempunyai kedudukan yang kukuh dan stabil dalam pasaran.

Melalui perspektif kajian yang berbeza, terdapat kajian yang menjelaskan keadaan ketidakpatuhan cukai terhadap beberapa sektor ekonomi terpilih. Merujuk kajian (Nor Azrina Yusof et al. 2014) mendapati PKS sektor pembinaan paling tinggi terlibat dalam ketidakpatuhan cukai berbanding sektor perkhidmatan dan pembuatan. Dapatan kajian yang serupa diperoleh oleh Ming Ling Lai et al. (2013) yang menjelaskan sektor pembinaan paling dominan terlibat dengan kesalahan cukai melalui penggunaannya kaedah kurang melaporkan jualan, memalsukan transaksi belian, dan menuntut perbelanjaan yang tidak dibenarkan. Badan-badan pentadbir cukai seperti ATO, HMRC, dan IRS turut menyatakan pendapat yang sama

berhubung jenis-jenis perniagaan yang berisiko tinggi untuk terlibat dalam masalah ketidakpatuhan cukai yang jelas memperlihatkan bahawa sektor pembinaan merupakan salah satu industri yang perlu diberi perhatian (Rand Europe dan National Audit Office 2008). Perbincangan ini dijelaskan lagi melalui paparan Jadual 2 di bawah.

perniagaan (LHDNM 2014) dan daripada 662,939 entiti perniagaan yang berdaftar sebanyak 645,136 terdiri daripada PKS (JPM 2012). Gabungan informasi literatur cukai dan data-data ekonomi jelas menunjukkan rasional pemilihan entiti PKS sektor pembinaan.

**Jadual 2: Sektor Perniagaan Berisiko Tinggi Terlibat Dengan Cash Economy**

Australia	Belgium	Kanada	Sweedeen	UK	US
Pembinaan	Pembinaan	Pembinaan; Ubahsuai	Pembinaan	Pembinaan	Automotif
Teksi	Perjudian	Perubatan	Restoran	Katering	Pembinaan
Restoran; Kafe	E-Commerce	Agrikultur	Pendandan Rambut	Pendandan Rambut	Kesihatan
Salon; Pusat Kecantikan	Pengangkutan	Perikanan	Teksi		Perubatan
Perkhidmatan Pembersihan	Telekomunikasi	Penginapan	Pengangkutan	Penjagaan Taman	Hartanah

Sumber: Rand Europe dan NAO (2008)

Selain literatur cukai, justifikasi pemilihan entiti PKS sektor pembinaan turut disokong oleh data-data ekonomi dan statistik Malaysia menunjukkan industri pembinaan mempunyai tahap kelangsungan aktiviti perniagaan yang tinggi. Perkara ini dapat diperhatikan pada peruntukkan belanjawan kerajaan Malaysia 2015 untuk tujuan pembangunan adalah sebanyak RM50.5 bilion, 50.49% daripada keseluruhan kutipan cukai LHDNM pada 2013 datangnya daripada cukai

## METODOLOGI KAJIAN

Pelbagai kaedah kajian telah digunakan oleh para pengkaji lepas dalam melakukan kajian seperti pemerhatian, temubual, dan data sekunder yang jelas memperlihatkan bahawa kaedah pemerhatian merupakan salah satu pendekatan yang paling kerap digunakan (Hijattulah Abdul Jabbar 2009; Mohd Rizal Palil 2010). Bagi tujuan pelaksanaan kajian ini, pendekatan data sekunder

digunakan oleh pengkaji di mana kaedah sama turut digunapakai oleh pengkaji terdahulu dalam bidang percukaian di Malaysia seperti Nor Azrina Yusof et al. (2014) dan Ming Ling Lai et al. (2013). Pemilihan kaedah ini mempunyai kelebihan serta kebaikan iaitu penjimatan masa dan mempunyai darjah kepercayaan yang lebih tinggi (Cowton 1998). Melalui kaedah data sekunder juga pengkaji dapat mengelakkan diri daripada berdepan dengan masalah pengumpulan data seperti gagal mendapatkan bilangan respons yang mencukupi dan data yang berat sebelah (Bajada dan Schneider 2007).

Data sekunder yang digunakan dalam kajian ini diperolehi daripada tiga sumber yang berbeza. Sumber data sekunder yang pertama adalah daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) yang berkaitan dengan perincian nama perniagaan, alamat premis perniagaan, nombor untuk dihubungi, saiz perniagaan, dan jenis perniagaan bagi PKS sektor pembinaan di Malaysia hingga tahun berakhir 31hb Disember 2013. Sumber kedua adalah daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berhubung nama pemilik perniagaan

PKS dan syarikat PKS sektor pembinaan Malaysia kerana JPM tidak mempunyai rekod nama pemilik perniagaan yang berstatus milikan tunggal dan perkongsian. Sumber ketiga adalah daripada pihak LHDNM yang memberikan kebenaran capaian ke dalam sistem yang membolehkan pengkaji melakukan semakan bagi mengenal pasti bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai dalam kalangan entiti PKS sektor pembinaan di Malaysia bagi tahun taksiran 2013.

Proses pengumpulan data bermula dengan mengemukakan permohonan kepada pihak JPM bagi mendapatkan 500 sampel entiti PKS sektor pembinaan Malaysia. Pemilihan sampel perlu menggunakan kaedah yang betul supaya mewakili dua ciri utama PKS Malaysia, iaitu saiz perniagaan dan jenis perniagaan. Justeru pemilihan 500 sampel PKS dilakukan berdasarkan kaedah pensampelan kebarangkalian rawak berstrata/berlapis. Kaedah ini menurut Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2014) amat relevan bagi data kajian yang mempunyai beberapa kumpulan dan bilangan yang berbeza. Tindakan berikutnya adalah

mengemas kini data yang diperoleh daripada pihak JPM untuk mengetahui pemilik bagi setiap entiti perniagaan PKS. Oleh itu permohonan maklumat seterusnya dikemukakan kepada pihak SSM bagi mendapatkan informasi yang berkaitan dengan pemilik perniagaan dan syarikat PKS. Peringkat terakhir ialah semakan silang antara perincian data yang diperoleh daripada pihak JPM dan pihak SSM dengan maklumat percukaian milik LHDNM.

Pengukuran data dilakukan melalui proses semakan silang yang dilakukan ke atas setiap sampel bagi menentukan gelagat cukai (patuh cukai, tidak patuh cukai atau *cash economy*) dan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai (sama ada tidak daftar, tidak atau lewat hantar borang cukai, tidak atau kurang lapor sumber pendapatan mahupun tidak atau lewat membayar cukai). Proses semakan silang hanya boleh dilakukan selepas memperoleh kebenaran daripada pihak LHDNM bagi membuat capaian ke dalam sistem cukai. Kebenaran untuk membuat capaian ke dalam sistem cukai amat diperlukan supaya dapatan kajian yang diperoleh tidak melanggar dasar serta polisi LHDNM dan yang paling penting

tidak menyalahi peruntukan Seksyen 138 ACP 1967 yang berkaitan dengan kerahsiaan maklumat para pembayar cukai.

Semakan silang yang dilakukan telah melalui beberapa langkah, iaitu semakan nombor cukai pendapatan bagi mengenal pasti sama ada entiti PKS telah mendaftar dengan LHDNM mahupun tidak, menyemak status penghantaran borang cukai sama ada telah hantar, lewat hantar mahupun tidak hantar, menyemak perincian sumber pendapatan yang dilaporkan untuk menentukan entiti perniagaan atau syarikat PKS telah melaporkan semua pendapatan, dan menyemak status pembayaran cukai sama ada membuat bayaran penuh pada masa, lewat membuat pembayaran mahupun langsung tidak membuat pembayaran. Melalui proses semakan silang ini, dapatan kajian boleh memperincikan bilangan entiti PKS sektor pembinaan yang patuh cukai, tidak patuh cukai dan terlibat dengan *cash economy*. Melalui pendekatan yang sama juga, dapatan kajian turut dapat memberi perincian lanjut yang berkaitan dengan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai yang dilakukan oleh setiap entiti PKS.

Maklumat daripada hasil semakan silang ini merujuk kepada tahun taksiran 2013 (perolehan pendapatan dalam tahun 2013 dan menutup akaun perniagaan dalam tahun 2013). Bagi menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi, kajian ini tidak menyenaraikan secara spesifik siapa pelaku yang terlibat dengan ketidakpatuhan cukai, khususnya *cash economy*. Maklumat yang diterbitkan melalui kajian adalah secara kelompok untuk tujuan akademik tanpa merujuk kepada mana-mana pihak yang tertentu.

### DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini adalah hasil analisis data entiti PKS sektor pembinaan dari pihak JPM, kemudian dikemaskini dengan pihak SSM dan akhirnya proses semakan silang dengan pengkalan data LHDNM. Bagi memenuhi matlamat kajian, hasil kajian diterjemahkan melalui pembentangan empat jadual iaitu; Jadual 3 yang menunjukkan perincian

deskriptif data PKS sektor pembinaan Malaysia; Jadual 4 memaparkan gelagat cukai PKS sektor pembinaan; Jadual 5 memperincikan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai; dan Jadual 6 menghuraikan kategori pelaku *cash economy* dan ketidakpatuhan cukai di kalangan PKS sektor pembinaan Malaysia.

Dapatan kajian pertama pada Jadual 3 di bawah merupakan perincian deskriptif bagi 500 entiti PKS sektor pembinaan di Malaysia yang telah dipilih sebagai sampel kajian. Sampel kajian entiti PKS sektor pembinaan Malaysia yang diambil mewakili dua kategori yang selari dengan definisi MPPK iaitu saiz perniagaan dan jenis perniagaan. Berdasarkan kategori saiz, entiti perniagaan bersaiz kecil mendominasi bilangan PKS sektor pembinaan sebanyak 206 entiti, diikuti pula oleh saiz mikro sebanyak 194 entiti perniagaan, dan saiz sederhana sebanyak 100 entiti perniagaan.

**Jadual 3: Perincian Deskriptif PKS Sektor Pembinaan Malaysia**

Jenis Perniagaan / Saiz Perniagaan	Mikro	Kecil	Sederhana	Jumlah
Kontraktor Rumah Kediaman	36	30	20	86
Kontraktor bukan Rumah Kediaman	42	40	26	108
Kontraktor Kejuruteraan Awam	48	37	20	105
Kontraktor Pertukangan Khas	68	99	34	201
<b>Jumlah</b>	<b>194</b>	<b>206</b>	<b>100</b>	<b>500</b>

Sebaliknya untuk jenis perniagaan, aktiviti perniagaan pertukangan khas paling tinggi bilangannya dengan 201 entiti, diikuti pula oleh aktiviti perniagaan bukan rumah kediaman sebanyak 108 entiti, perniagaan kejuruteraan awam sebanyak 105 entiti, dan perniagaan rumah kediaman sebanyak 86 entiti.

Secara ringkas Jadual 4 di bawah memaparkan gelagat cukai PKS sektor pembinaan samada patuh cukai atau tidak patuh cukai berdasarkan empat ciri-ciri perniagaan iaitu saiz perniagaan, jenis perniagaan, status

pemilikan perniagaan dan gender pemilik perniagaan. Penjelasan gelagat cukai ini secara langsung menjawab matlamat pertama kajian iaitu untuk mengenalpasti gelagat cukai PKS sektor pembinaan samada patuh cukai atau tidak patuh cukai.

Jadual 4 menunjukkan 44% entiti PKS sektor pembinaan tidak patuh cukai bersamaan dengan 222 daripada 500 entiti. Berdasarkan ciri pertama iaitu saiz, PKS bersaiz mikro paling dominan tidak patuh cukai iaitu 48% dan turut mencatatkan bilangan entiti

**Jadual 4: Gelagat Cukai PKS Sektor Pembinaan di Malaysia**

Tindakan Pembayar Cukai	Patuh Cukai	%	Tidak Patuh Cukai	%	Jumlah
<b>Saiz Perniagaan:</b>					
Mikro	117	52%	108	48%	225
Kecil	99	57%	76	43%	175
Sederhana	62	62%	38	38%	100
<b>Jenis Perniagaan:</b>					
Kontraktor Rumah Kediaman	47	55%	39	45%	86
Kontraktor bukan Rumah Kediaman	62	57%	46	43%	108
Kontraktor Kejuruteraan Awam	47	45%	58	55%	105
Kontraktor Pertukangan Khas	122	61%	79	39%	201
<b>Pemilikan Perniagaan:</b>					
Milikan Tunggal	111	51%	105	49%	216
Perkongsian	27	49%	28	51%	55
Syarikat Sdn Bhd	140	61%	89	39%	229
<b>Gender:</b>					
Lelaki	178	55%	144	45%	322
Wanita	9	33%	18	67%	27
Lelaki dan Wanita	91	60%	60	40%	151
<b>Jumlah</b>	<b>278</b>		<b>222</b>		<b>500</b>
<b>Peratusan</b>	<b>56%</b>		<b>44%</b>		<b>100%</b>

tertinggi iaitu 108. Untuk ciri kedua iaitu jenis perniagaan, penilaian dari aspek bilangan entiti mendapati perniagaan pertukangan khas merekodkan bilangan tertinggi iaitu 79 entiti. Sebaliknya jika penilaian dibuat dari sudut peratusan, perniagaan kejuruteraan awam mempunyai pecahan terbesar iaitu 55%. Situasi yang sama dapat diperhati pada ciri pemilikan perniagaan dan gender pemilik perniagaan. Pada ciri pemilikan perniagaan entiti PKS yang menjalankan perniagaan secara milikan tunggal mencatatkan bilangan

wanita mewakili komposisi yang lebih besar iaitu 67%.

Dapatan kajian melalui Jadual 5 di bawah menghuraikan bentuk-bentuk tidak patuh cukai PKS sektor pembinaan Malaysia kepada empat keadaan iaitu tidak daftar, tidak atau lewat hantar borang, tidak atau kurang lapor dan tidak atau lewat bayar cukai. Perbincangan hasil kajian ini seterusnya menjawab matlamat kajian yang kedua iaitu mengenalpasti bentuk-bentuk tidak patuh cukai yang dilakukan oleh PKS

**Jadual 5: Bentuk-Bentuk Tidak Patuh Cukai PKS Sektor Pembinaan di Malaysia**

Kategori Pembayar Cukai	Bentuk-Bentuk Tidak Patuh Cukai				Jumlah
	Tidak Daftar	Tidak/Lewat Hantar Borang	Tidak/Kurang Lapor	Tidak/Lewat Bayar	
Kontraktor Rumah Kediaman	8 (21%)	22 (56%)	0	9 (23%)	39
Kontraktor bukan Rumah Kediaman	11(24%)	29 (63%)	1 (2%)	5 (11%)	46
Kontraktor Kejuruteraan Awam	14 (24%)	36 (62%)	4 (7%)	4 (7%)	58
Kontraktor Pertukangan Khas	17 (22%)	50 (63%)	6 (7.5%)	6 (7.5%)	79
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>137</b>	<b>11</b>	<b>24</b>	<b>222</b>
<b>Peratus</b>	<b>22%</b>	<b>62%</b>	<b>5%</b>	<b>11%</b>	<b>100%</b>

tertinggi (105 entiti) sebaliknya dari segi pecahan, perkongsian menunjukkan pecahan yang lebih besar iaitu 51%. Bagi ciri gender bilangan lelaki adalah paling tinggi tidak patuh cukai tetapi jika statistik peratusan diambil kira gender

sektor pembinaan.

Jadual 5 di atas memperincikan tindakan tidak patuh cukai yang dilakukan oleh 222 entiti PKS sektor pembinaan yang telah ditunjukkan pada Jadual

4 sebelum ini. Hasil kajian mendapati bentuk ketidakpatuhan yang tertinggi di kalangan PKS sektor pembinaan adalah 'tidak atau lewat hantar borang cukai' sebanyak 137 entiti (62%), diikuti oleh 'tidak mendaftar sebagai pembayar cukai' sebanyak 50 entiti (22%), 'tidak atau lewat membayar cukai pendapatan' sebanyak 24 entiti (11%), dan yang terendah, iaitu 'tidak atau kurang lapor pendapatan' sebanyak 11 entiti (5%). Selain dari itu, Jadual 5 turut menunjukkan peratus tindakan ketidakpatuhan cukai bagi setiap jenis perniagaan PKS sektor pembinaan.

Bagi bentuk tindakan tidak daftar, perniagaan bukan rumah kediaman dan kejuruteraan awam didapati paling dominan iaitu 24%. Berikutnya untuk bentuk tindakan tidak atau lewat hantar borang, jenis perniagaan bukan

rumah kediaman dan pertukangan khas didapati paling dominan, iaitu 63%. Seterusnya bagi bentuk tindakan tidak atau kurang lapor pendapatan, memperlihatkan kesalahan ini paling kurang dilakukan oleh PKS sektor pembinaan. Peratusan tertinggi hanyalah 7.5% bagi pertukangan khas, manakala 7% bagi kejuruteraan awam. Bentuk tindakan ketidakpatuhan cukai yang terakhir merujuk kepada tidak atau lewat bayar yang menunjukkan jenis perniagaan rumah kediaman paling tinggi terlibat iaitu 23%.

Hasil kajian berikutnya menghuraikan penglibatan entiti PKS sektor pembinaan dengan aktiviti ketidakpatuhan cukai dan *cash economy* yang merupakan lanjutan dari perbincangan gelagat cukaidan bentuk-bentuk ketidakpatuhan

**Jadual 6: Ketidakpatuhan Cukai dan Cash Economy PKS Sektor Pembinaan Malaysia**

Tindakan Pembayar Cukai	Ketidakpatuhan Cukai	Cash Economy	Jumlah
<u>Saiz Perniagaan:</u>			
Mikro	11 (5%)	97 (44%)	108
Kecil	13 (6%)	63 (28%)	76
Sederhana	11 (5%)	27 (12%)	38
<u>Jenis Perniagaan:</u>			
Kontraktor Rumah Kediaman	11 (5%)	28 (13%)	39
Kontraktor bukan Rumah Kediaman	7 (3%)	39 (18%)	46
Kontraktor Kejuruteraan Awam	6 (2%)	52 (23%)	58
Kontraktor Pertukangan Khas	11 (5%)	68 (31%)	79
<b>Jumlah</b>	<b>35 (16%)</b>	<b>187 (84%)</b>	<b>222</b>

cukai. Jadual 6 memperincikan tahap penglibatan berdasarkan saiz dan jenis perniagaan PKS lantas mencapai matlamat kajian yang ketiga iaitu mengukur sejauh mana penglibatan entiti PKS sektor pembinaan terhadap aktiviti ketidakpatuhan cukai dan *cash economy*.

Secara ringkas Jadual 6 menunjukkan 222 entiti PKS melakukan kesalahan cukai di mana 84% (187 entiti) terlibat dengan *cash economy* dan 16% (35 entiti) melakukan ketidakpatuhan cukai. Pelaku *cash economy* yang tertinggi berdasarkan saiz perniagaan adalah entiti PKS bersaiz mikro iaitu 97 entiti, diikuti saiz kecil 63 entiti dan saiz sederhana 71 entiti. Manakala pelaku *cash economy* berdasarkan jenis perniagaan pula adalah pertukangan khas 68 entiti, kejuruteraan awam 52 entiti, bukan rumah kediaman 39 entiti dan rumah kediaman 28 entiti. Sementara untuk isu ketidakpatuhan cukai, bilangan pelaku adalah seimbang iaitu antara 6 hingga 13 entiti bagi setiap kategori PKS sektor pembinaan. Komposisi tertinggi bagi saiz perniagaan merujuk kepada saiz kecil dengan 13 entiti yang terlibat, manakala untuk jenis perniagaan

kontraktor rumah kediaman dan pertukangan mencatatkan bilangan yang dominan iaitu 11 entiti.

## PERBINCANGAN

Sehingga kini kajian cukai yang menyentuh isu ketidakpatuhan cukai telah dilakukan seperti takrifan ketidakpatuhan cukai (Kirchler 2007), kronologi ketidakpatuhan cukai (Andreoni et al. 1998), entiti perniagaan tidak patuh cukai (Nor Azrina Yusof et al. 2014), dan faktor-faktor ketidakpatuhan cukai (Mohd Rizal Palil & Ahmad Fariq Mustapha 2011; Mohd Rizal Palil 2010). Perkara yang sama dapat diperhatikan terhadap isu *cash economy* di mana beberapa kajian juga telah dilakukan antaranya; definisi *cash economy* (Summer 1996), klasifikasi aktiviti (Lippert & Walker 1997) dan faktor *cash economy* (Buehn & Schneider 2012; Schneider 2005). Walaupun kajian telah dilakukan terhadap kedua-dua isu percukaian tersebut tetapi tahap pematuhan cukai di Malaysia masih pada tahap sederhana dan membimbangkan (Belkaoui 2004; IMD 2013).

Kajian lepas berhubung ketidakpatuhan

cukai didapati kurang membincangkan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai sama ada membabitkan pembayar cukai individu mahupun entiti perniagaan khususnya terhadap PKS sektor pembinaan. Penjelasan terhadap isu ini perlu dilakukan memandangkan penyelidik terdahulu mentafsirkan pematuhan cukai melibatkan komponen seperti daftar, hantar, lapor, dan bayar (Brown & Mazur 2003). Selain dari jurang kajian terhadap isu ketidakpatuhan cukai, *cash economy* turut mempunyai isu yang memerlukan penjelasan lanjut. Perkara ini dinyatakan dalam kajian Bhattacharyya (1999) dan Schneider (2005) yang mendapati penyelidik masih berselisih pandangan berhubung definisi, penggunaan istilah dan kaedah pengukuran. Literatur cukai terdahulu didapati kurang membincangkan pelaku yang dominan terlibat dengan aktiviti ketidakpatuhan cukai khususnya *cash economy* di Malaysia.

Matlamat kajian menjurus kepada tiga perkara utama iaitu mengenalpasti gelagat cukai, mengenalpasti bentuk-bentuk tidak patuh cukai dan mengukur sejauh mana penglibatan entiti PKS sektor pembinaan dengan aktiviti ketidakpatuhan cukai dan *cash*

*economy*. Berdasarkan sampel 500 entiti PKS sektor pembinaan yang dikaji, hampir separuh iaitu 44% (222 entiti) tidak patuh cukai untuk tahun 2013. Manakala dari jumlah 222 entiti PKS yang didapati tidak patuh cukai, 187 entiti PKS terlibat dengan aktiviti *cash economy* dan baki 35 adalah ketidakpatuhan cukai. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap tidak patuh cukai di Malaysia sangat membimbangkan oleh kerana majoriti entiti PKS yang tidak patuh cukai terlibat dengan *cash economy* berbanding ketidakpatuhan cukai. Justeru dapatan kajian ini mengesahkan keberadaan aktiviti *cash economy* di Malaysia (ANAO 2001) dan pada masa sama bersetuju dengan kajian Bajada dan Schneider (2007) iaitu saiz *cash economy* di Malaysia adalah pada tahap yang signifikan.

Setelah mengenalpasti gelagat cukai dan tahap penglibatan, tindakan seterusnya adalah untuk melihat keadaan atau bentuk-bentuk tindakan tidak patuh cukai yang kerap dilakukan. Hasil kajian ini mendapati bentuk-bentuk perlakuan tidak patuh cukai menjurus kepada perlakuan tidak atau lewat menghantar borang dengan bilangan 137 entiti PKS terlibat (62%),

diikuti oleh tidak mendaftar sebanyak 50 entiti (22%), tidak atau lewat membayar cukai 24 entiti (11%) dan tidak atau kurang lapor 11 entiti (5%). Keadaan ini menjelaskan bentuk-bentuk tidak patuh cukai yang paling kerap dilakukan oleh PKS sektor pembinaan di Malaysia adalah tidak atau lewat menghantar borang cukai manakala tidak atau kurang lapor pendapatan merupakan tindakan yang paling kurang dilakukan. Justeru takrifan Brown dan Mazur (2003), ATO (2003) dan peruntukan ACP 1967 berkaitan patuh dan tidak patuh cukai adalah relevan serta sesuai untuk mengenalpasti tingkahlaku individu atau entiti terhadap cukai khususnya bagi kajian ini.

Dalam kajian Williams (2007, 2009) menyatakan perniagaan bersaiz kecil lebih cenderung melakukan kesalahan cukai. Manakala kajian Nor Azrina Yusof et al. (2014) dan Ming Ling Lai et al. (2013) pula mendedahkan sektor pembinaan paling dominan tidak patuh cukai. Merujuk kepada hasil kajian ini entiti PKS bersaiz mikro paling banyak serta tinggi peratusan terlibat dengan *cash economy* iaitu 97 entiti (44%). Manakala untuk ketidakpatuhan cukai, entiti perniagaan bersaiz

kecil paling banyak terlibat dengan 13 entiti. Sementara untuk kriteria jenis perniagaan, entiti perniagaan pertukangan khas paling banyak terlibat dengan *cash economy* iaitu 68 entiti. Manakala untuk aktiviti ketidakpatuhan cukai, jenis perniagaan rumah kediaman dan pertukangan khas adalah paling dominan dengan bilangan 11 entiti yang terlibat. Selain menyokong dapatan kajian terdahulu saiz kecil dan sektor pembinaan yang terlibat dengan aktiviti tidak patuh cukai, kajian ini turut memberi nilai tambah melalui perincian jenis-jenis perniagaan dalam sektor pembinaan yang melakukan ketidakpatuhan cukai dan *cash economy*.

Selain dapatan kajian utama, dapatan kajian lain yang diperolehi adalah faktor gender yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai. Kajian oleh Spicer dan Becker (1980) menjelaskan faktor gender mempunyai hubungan yang signifikan dengan isu ketidakpatuhan cukai. Sebaliknya kajian Kasipillai dan Hijattulah Abdul Jabbar (2006) yang mendapati gender lelaki dan wanita tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap ketidakpatuhan cukai tetapi bersetuju bahawa gender lelaki paling tinggi tidak patuh

berbanding wanita (McGee & Tyler 2006). Hasil kajian ini menunjukkan gender lelaki paling tinggi terlibat dalam ketidakpatuhan cukai iaitu 144 berbanding wanita hanya sebanyak 18. Walau bagaimanapun apabila entiti PKS itu mempunyai gabungan gender lelaki dan wanita, didapati bilangan wanita yang tidak patuh cukai meningkat kepada 60 dan angka ini lebih tinggi berbanding entiti PKS yang diuruskan oleh wanita yang tidak patuh cukai.

## RUMUSAN

Kajian ini berperanan memberi nilai tambah kepada literatur cukai melalui penggunaan kaedah kajian yang berbeza dan dapatan kajian yang kurang dijelaskan oleh pengkaji lepas. Kaedah kajian yang digunakan melibatkan beberapa kaedah iaitu perolehan data sekunder, penambahbaikan data, dan semakan silang data. Dapatan kajian daripada kajian ini turut menghuraikan gelagat cukai, bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai, pelaku aktiviti *cash economy* dan ketidakpatuhan cukai, dan ciri-ciri percukaian entiti PKS sektor pembinaan di Malaysia. Dapatan kajian turut mengenalpasti pihak yang bukan sahaja tidak menghantar borang

cukai, sebaliknya juga merangkumi entiti yang tidak termasuk dalam pengkalan data LHDNM.

Secara ringkasnya, entiti PKS sektor pembinaan didominasi oleh segmen perniagaan pertukangan khas, diikuti oleh kejuruteraan awam, bukan rumah kediaman, dan rumah kediaman. Perincian data kajian menunjukkan bahawa majoriti saiz entiti PKS berskala kecil dan mikro dengan status pemilikan perniagaan ialah milikan tunggal dan syarikat. Daripada 500 sampel PKS yang dianalisis, 222 (44%) entiti perniagaan tidak patuh cukai dan majoriti daripada entiti tidak patuh cukai ini terlibat dengan aktiviti *cash economy* (84%). Gelagat cukai samada patuh cukai, tidak patuh cukai dan *cash economy* dapat ditentukan melalui penjelasan terhadap bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai iaitu daftar, hantar, lapor dan bayar. Analisis kajian menunjukkan majoriti entiti PKS tidak patuh cukai disebabkan 'tidak atau lewat menghantar borang cukai (62%), dan 'tidak mendaftar' sebanyak (22%). Dapatan kajian juga menunjukkan jenis perniagaan dalam PKS sektor pembinaan Malaysia yang dominan tidak patuh cukai adalah kejuruteraan awam (90%). Kajian ini

turut mendapati bahawa gender lelaki masih kekal sebagai golongan yang dominan tidak patuh cukai berbanding wanita, namun penglibatan wanita dalam ketidakpatuhan cukai meningkat apabila bekerjasama dengan lelaki dalam menguruskan perniagaan.

Selain daripada sumbangan kepada bidang ilmu, dapatan kajian daripada kajian ini turut bermanfaat untuk dijadikan sebagai input kepada LHDNM dalam usaha untuk menambah baik aktiviti penguatkuasaan. Melalui dapatan kajian daripada kajian ini, segmentasi perniagaan yang bermasalah dapat dikenal pasti, iaitu industri (pembinaan), jenis-jenis perniagaan (bukan kejuruteraan awam), dan bentuk-bentuk ketidakpatuhan (tidak daftar dan tidak atau lewat hantar). Rumusannya, dapatan kajian memberikan perspektif baharu kepada LHDNM untuk meningkatkan kecekapan aktiviti penguatkuasaan, mengurangkan kadar ketidakpatuhan cukai oleh golongan yang tidak pernah membayar cukai khususnya PKS sektor pembinaan dan meningkatkan hasil kutipan cukai.

## RUJUKAN

- Akta Cukai Pendapatan 1967, Pub. L. No. Akta 53 (2006). Malaysia: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Andreoni, J., Erard, B. & Feinstein, J. 1998. Tax Compliance. *Journal of Economic Literature*, 36(2), 818–860.
- Australian National Audit Office. 2001. *ATO Progress in Addressing the Cash Economy*.
- Australian Taxation Office. 1997. *Improving Tax Compliance in the Cash Economy*.
- Australian Taxation Office. 2003. *The Cash Economy under the New Tax System*.
- Australian Taxation Office. 2007. *Improving Tax Compliance in the Cash Economy – A Developed Economy Perspective on Informal Sector Issue Purpose : Information Submitted by : Australia. 25th Small and Medium Enterprise Working Group Meeting*, hlm.7.
- Bajada, C. & Schneider, F. 2007. The Size and Development of the Shadow Economies in the Asia-Pacific. *Asian Pacific Economic Journal*, 43–70. Retrieved from <http://www.economics.uni-linz.ac.at/Members/Schneider/default.htm>
- Belkaoui, A. R. 2004. Relationship Between Tax Compliance Internationally and Selected Determinants of Tax Morale. *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation*, 13, 135–143. doi:10.1016/j.intaccaudtax.2004.09.001
- Bhattacharyya, D. K. 1999. On the Economic Rationale of Estimating

- the Hidden Economy. *The Economic Journal*, 109(456), 348–359.
- Brown, R. E. & Mazur, M. J. 2003. *IRS's Comprehensive Approach to Compliance Measurement by*.
- Buehn, A. & Schneider, F. 2012. Shadow Economies Around the World: Novel Insights, Accepted Knowledge, and New Estimates. *International Tax and Public Finance*, 19(1), 139–171. doi:10.1007/s10797-011-9187-7
- Cowton, C. 1998. The Use of Secondary Data in Business Ethics Research. *Journal of Business Ethics*, 17(4), 423–434. doi:10.1023/A:1005730825103
- Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. 2014. *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS* hlm.2nd Edisi . Sintok, Kedah: UUM Press.
- Feige, E. L. 1979. How Big is the Irregular Economt. *Challenge*, 22(5), 5–13.
- Frey, B. S. & Schneider, F. 2000. Informal and Underground Economy. *Encyclopedia of Social and Behavioral Science*,. Elsevier Science Publishing Company.
- Gutmann, P. M. 1977. The Subterranean Economy. *Financial Analysts Journal*, 33(6), 26–27+34.
- Hanefah Mustafa & Abdul Latif Al-Mureshi. 1991, January. Accounting in Small and Medium Enterprise. *Akauntan Nasional*, 14–15.
- Hijattulah Abdul Jabbar. 2009. *Income Tax Non-compliance of Small and Medium Enterprise in Malaysia: Determinants and Tax Compliance Costs*. Curtin University of Technology.
- IMD. 2013. *IMD World Competitiveness Yearbook 2013*. Igarss 2014,. doi:10.1007/s13398-014-0173-7.2
- Inspector General of Taxation Australia. 2012. *Review into the ATO 's use of benchmarking to target the cash economy*.
- International Tax Dialogue. 2007. Taxation of Small and Medium Enterprise. *International Tax Dialogue Conference*, hlm.65. Buenos. Retrieved from www.itdweb.org
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2012. *Banci Ekonomi 2011: Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana*. Jabatan Perangkaan Malaysia. doi:ISBN 978-983-9044-67-6
- Kasipillai, J. 1998. An Insight Into the Working of the Hidden Economy-Jeyapalan.pdf. *AAM Journal*, 3(1), 1–18.
- Kasipillai, J. & Hijattulah Abdul Jabbar. 2006. Gender and Ethnicity Differences in Tax Compliance. *Asian Academy of Management Journal*, 11(2), 73–88.
- Kirchler, E. 2007. *The Economic Psychology of Tax Behaviour*. *Law & Society Review*, hlm.2007th Edisi ., Vol. 42. New York: Cambridge University Press. doi:10.1017/CBO9780511628238
- Kirchler, E., Niemirowski, A. & Wearing, A. 2006. Shared subjective views, intent to cooperate and tax compliance: Similarities between Australian taxpayers and tax officers. *Journal of Economic Psychology*, 27(4), 502–517. doi:10.1016/j.joep.2006.01.005
- LHDNM. 2014. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- Lippert, O. & Walker, M. 1997. *The Underground Economy: Global Evidence of its Size and Impact*. Canada: The Fraser Institute.

- Marliza Mohamed. 2012. Estimating the Underground Economy from the Tax Gap: The Case of Malaysia. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 49(2), 91–109.
- McGee, R. W. & Tyler, M. 2006. Tax evasion and ethics: a demographic study of 33 countries. *Researchgate Publication*, (1944), 1–20. Retrieved from <http://www.researchgate.net/publication/228129337>
- Ming Ling Lai, Zalilawati Yaacob, Normah Omar, Norashikin Abdul Aziz & Bee Wah Yap. 2013. Examining Corporate Tax Evaders : Evidence from the Finalized Audit Cases. *World Academy of Science, Engineering and Technology*, 78(6), 396–400.
- Mohd Khairuddin Hashim. 2007. *SMEs in Malaysia: A Brief Handbook*. Petaling Jaya, Selangor: August Publishing.
- Mohd Rizal Palil. 2010. *Tax Knowledge and Tax Compliance Determinants in Self Assessment System in Malaysia*. University of Birmingham. Retrieved from <http://etheses.bham.ac.uk/1040/>
- Mohd Rizal Palil & Ahmad Fariq Mustapha. 2011. Factors Affecting Tax Compliance Behaviour in Self Assessment System. *African Journal of Business Management*, 5(33), 12864–12872. doi:10.5897/AJBM11.1742
- Natrah Saad. 2012. Tax Non-Compliance Behaviour: Taxpayers View. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 65(ICIBSoS), 344–351. doi:10.1016/j.sbspro.2012.11.132
- Nor Azrina Yusof, Ming Ling Lai & Yap Bee Wah. 2014. Tax Noncompliance Among SMEs in Malaysia: Tax Audit Evidence. *Journal of Applied Accounting Research*, 15, 215–234. doi:10.1108/JAAR-02-2013-0016
- OECD. 2012. Reducing Opportunities for Tax Non-compliance in the Underground Economy. *Forum on Tax Administration: SME Compliance Sub-Group*,. Organisation For Economic Co-Operation and Development.
- Rand Europe & National Audit Office. 2008. *Comparing How Some Tax Authorities Tackle the Hidden Economy*.
- Richardson, G. 2008. The Relationship Between Culture and Tax Evasion Across Countries: Additional Evidence and Extensions. *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation*, 17(2), 67–78. doi:10.1016/j.intaccudtax.2008.07.002
- Schneider, F. 2005. Shadow Economies Around the World : What Do We Really Know ? *European Journal of Political Economy*, 21, 598–642. doi:10.1016/j.ejpoleco.2004.10.002
- Siti Norhawa Mohd Ali. 2015, June 9. 10% Syarikat “Lari” Cukai. Utusan Malaysia,. Kuala Lumpur. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/10-syarikat-8216-lari-8217-cukai-1.101207>
- Spicer, M. W. & Becker, L. A. 1980. Fiscal Inequity and Tax Evasion: An Experimental Approach. *National Tax Journal*, 33(2), 171–175. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/41862299>
- Summer, H. E. 1996. Overcoming the Cash Economy. *Journal of Jewish Communal Service*, 290–297.
- Williams, C. C. 2007. Entrepreneurs Operating in the Informal Economy : Necessity or Opportunity Driven?

*Journal of Small Business & Entrepreneurship*, 20(3), 309–320.  
Williams, C. C. 2009. Beyond Legitimate Entrepreneurship: The Prevalence of Off The Books Entrepreneurs in Ukraine. *Journal of Small Business & Entrepreneurship*, 22(1), 55–68.